






I. Ringkasan eksekutif

Langkawi mempunyai khazanah alam bertaraf dunia yang meliputi pulau yang mempesonakan, pantai yang bersih dan biodiversiti yang kaya. Dengan kekayaan khazanah alam beserta usaha bersepadu yang diambil untuk membangunkan pulau legenda ini sebagai destinasi pelancongan, Langkawi telah mengalami pertumbuhan pesat sejak era 1990-an. Namun begitu, Langkawi ketinggalan berbanding pesaingnya dari segi tempoh penginapan, perbelanjaan dan faktor musim. Sepertimana kawasan yang sensitif ekologinya, pembangunan tersebut telah menjadikan khazanah alam Langkawi yang unik berhadapan dengan risiko kemerosotan. Masanya sudah tiba untuk mengkaji semula dan menetapkan hala tuju Langkawi, dalam tempoh 5 tahun akan datang.



LAGENDA LANGKAWI

I. Ringkasan eksekutif

Langkawi merupakan syurga pulau yang memiliki pantai yang bersih, gugusan pulau yang sunyi lagi terpencil dan kawasan perlindungan alam semula jadi yang terkenal kerana hidupan liar yang eksotik, tumbuhan tropika dan formasi batuan yang setua usia Bumi. Bagaimanapun, potensi sebenar Langkawi masih belum diserlahkan sepenuhnya. Langkawi mampu untuk memasuki senarai 10 pulau dan destinasi eko-pelancongan terbaik dunia menjelang 2015.

2015 – 10 PULAU DAN DESTINASI EKO- PELANCONGAN TERBAIK

Pada 2015, Langkawi menawarkan kepada pelancong pelbagai produk tarikan, akses yang mudah dan menyeronokkan untuk mengunjungi tempat menarik di sekitar pulau, menambat hati pelancong mewah melalui pelbagai aktiviti yang menghiburkan selain menawarkan persekitaran semulajadi untuk berseronok, bersantai, menikmati makanan dan membeli-belah.

Dari saat pengunjung menjejakkan kaki ke Langkawi, mereka akan merasai layanan mesra melalui perkhidmatan sambutan yang cekap, pengangkutan darat yang selamat dengan caj yang berpatutan untuk pergi dan balik dari hotel dan ke destinasi tarikan pelancongan.

Pengunjung mempunyai pelbagai cara untuk lebih menghargai keindahan alam semulajadi. Aktiviti alam, seperti memerhati burung di Gunung Raya dan melawat hutan bakau Kilim menjadi tarikan bagi eko-pelancong dan mendedahkan pengunjung lain kepada kekayaan alam di Langkawi. Panorama Langkawi Sky Cab yang dinaik taraf dan memenuhi piawaian tinggi membolehkan pengunjung menikmati pemandangan hutan Langkawi, air terjun Machinchang dan laut biru kehijauan dari udara. Tarikan autentik seperti Pusat Interpretif Geosite, muzium hidup di Laman Padi dan Makam Mahsuri serta pesisir Pantai Cenang yang berwajah baharu akan memikat pengunjung untuk tinggal lebih lama.

Pelancong yang tiba dari pasaran baharu jarak jauh sering melanggani penginapan mewah di pantai barat

laut yang eksklusif. Pelancong berkeluarga dengan bajet yang sederhana pula menginap di Cenang yang telah dinaik taraf.

Salah satu daripada mercu kebanggaan Langkawi adalah piawaian dan amalan melindungi alam sekitar dan budaya yang boleh dijadikan contoh. Meskipun bukan di peringkat antarabangsa, piawaian dan amalan untuk pemuliharaan dan pemeliharaan ini menjadi tanda aras kebanggaan.

Pendek kata, Langkawi pada tahun 2015 menjadi hos bagi lebih ramai pelancong dari pelbagai negara dengan menawarkan pengalaman menakjubkan – layanan mesra, perkhidmatan, pelbagai tarikan destinasi dan tempat penginapan yang hebat. Selain berbangga kerana menjadi salah satu daripada 10 pulau terbaik di dunia seperti Bali dan Maldives, penduduk Langkawi turut menikmati manfaat dari sudut ekonomi. Menjelang tahun 2015, pendapatan negara kasar (PNK) pelancongan dan berkaitan pelancongan di Langkawi dijangka melonjak dua kali ganda, iaitu daripada RM0.8 bilion pada tahun 2010 kepada RM1.9 bilion. Peningkatan PNK ini adalah berikutan peningkatan pendapatan pelancongan dalam tempoh yang sama, iaitu daripada RM1.9 bilion kepada RM3.8 bilion. Sebanyak 4,200 peluang pekerjaan baharu dijangka diwujudkan dengan adanya lebih banyak hotel termasuk hotel mewah, dengan nisbah pekerja berbanding tetamu yang tinggi serta tarikan baharu yang menawarkan perkhidmatan berkualiti tinggi.

Langkawi pasti menjadi lebih baik untuk pelancong dan penduduk tempatan.

KINI – ASAS PELANCONGAN YANG KUKUH

Langkawi mempunyai asas pelancongan kukuh dan berupaya menjana pertumbuhan tahunan yang stabil setanding dengan pesaing yang lain. Pada tahun 2010, lebih 2 juta pelancong mengunjungi Langkawi di mana separuh daripadanya adalah pelancong asing dan menjana pendapatan pelancongan sebanyak RM1.9 bilion. Hasil ini menyumbang lebih 11% daripada keseluruhan KDNK negeri Kedah. Sektor pelancongan secara langsung atau tidak langsung menyediakan peluang pekerjaan untuk 60% daripada jumlah penduduk pulau Langkawi. Dari tahun 2000 hingga 2009, pelancongan Langkawi mengalami pertumbuhan tahunan sebanyak 3.6%, seiring dengan destinasi pulau yang terkenal seperti Seychelles dan Mauritius.

Sungguhpun mencatatkan pertumbuhan yang kukuh, Langkawi ketinggalan dari segi perbelanjaan harian, tempoh penginapan dan faktor musim berbanding destinasi pulau serantau seperti Bali dan Phuket serta destinasi antarabangsa seperti Hawaii, Mauritius dan Seychelles. Pelancong ke Langkawi kurang berbelanja dengan purata perbelanjaan harian adalah RM200 lebih rendah daripada yang dicatatkan oleh pesaingnya. Selain itu, tempoh penginapan pelancong di Langkawi juga lebih pendek, iaitu secara purata 5.3 hari lebih singkat. Gabungan kedua-dua faktor ini mengakibatkan kekurangan dalam potensi hasil, dan keadaan ini diburukkan lagi oleh salah tanggapan mengenai cuaca buruk bermusim yang mengakibatkan Langkawi mengalami musim kurang pelancong.

Infrastruktur sedia ada mampu menampung pertumbuhan kedatangan pelancong dari segi keluasan tanah, bekalan elektrik, air dan rawatan kumbahan yang mencukupi. Langkawi berpotensi untuk berkembang namun kekangan yang wujud dalam aspek perancangan, penyelarasan sektor dan agensi serta penguatkuasaan yang lemah dalam pelan dan peraturan pemuliharaan sedia ada perlu ditangani. Usaha yang dicurahkan dalam aspek ini akan membantu memfokuskan pertumbuhan Langkawi kepada sektor pelancongan yang mampan dari segi ekonomi dan persekitaran. Usaha ini merupakan sebahagian daripada Blueprint untuk Pertumbuhan.

2011 HINGGA 2015 – BLUEPRINT UNTUK PERTUMBUHAN

Pertumbuhan sedia ada industri pelancongan adalah kompleks dan memerlukan beberapa inisiatif yang merentasi tiga tema.

Produk - menerangkan titik sentuh (touch point) bagi setiap pelancong daripada keperluan asas seperti penginapan dan restoran hinggalah kepada keseronokan dan hiburan yang ditawarkan oleh destinasi tarikan. Tujuh inisiatif telah dikenal pasti untuk mewujudkan ikon destinasi tarikan wajib lawat, meningkatkan kualiti produk sokongan serta meninggikan tahap piawaian asas.

Infrastruktur - menerangkan pengalaman pelancong di Langkawi bermula dari saat ketibaan hinggalah ke saat pelepasan. Empat inisiatif di bawah infrastruktur adalah bagi memastikan pelancong menikmati pengalaman di Langkawi sebagaimana yang diingini.

Pembolehdaya - mencakupi tiga inisiatif untuk meletakkan asas yang kukuh bagi industri pelancongan menerusi pembangunan masyarakat setempat dan pemasaran.

Destinasi tarikan yang menambat hati dan penginapan mewah

Langkawi perlu mewujudkan beberapa tarikan yang benar-benar bertaraf dunia dan meningkatkan garis asas untuk membangunkan tarikan bertaraf ikon dan produk sokongan.

Antara tarikan bertaraf ikon termasuk kawasan perlindungan alam semulajadi bertaraf dunia seperti Kilim, Machinchang dan Dayang Bunting yang diterajui oleh Pusat Interpretasi sebagai hab bagi aktiviti pelancongan dan kerja pemuliharaan. Ini dilengkapi dengan dua muzium hidup yang diberikan nafas baharu iaitu Laman Padi dan Makam Mahsuri yang menghidupkan semula budaya dan mitos Langkawi. Selain itu, Pantai Cenang akan dinaik taraf menjadi pantai awam untuk hiburan seisi keluarga, dilengkapi dengan aneka pilihan tempat makan, membeli-belah, hiburan dan penginapan yang baharu. Sama seperti sistem penarafan bintang yang digunakan untuk hotel, sistem penarafan dan pengiktirafan bagi destinasi tarikan berperanan memberikan maklumat kepada pelancong dan membantu memastikan jangkaan mereka dipenuhi.

Produk pelancongan yang baharu dan lebih baik ini akan disokong oleh penyediaan penginapan mewah yang lebih banyak dan pelbagai, daripada hotel butik kepada vila sewaan serta zon perniagaan baharu dengan premis jualan, tempat makan dan hiburan di bahagian barat laut Langkawi yang disasarkan kepada pelancong berbelanja tinggi.

Dengan pembangunan atau pembangunan semula destinasi tarikan dan lebih banyak tempat penginapan, Langkawi berupaya menampung aktiviti MICE sepanjang tahun yang menyasarkan acara bersaiz kecil dan sederhana serta memberikan tumpuan kepada nilai teras yang menyentuh alam semulajadi dan eko-pelancongan.

Infrastruktur yang lebih baik dan rangkaian pengangkutan yang lebih lancar

Lebih ramai pelancong akan dapat menikmati keistimewaan Langkawi dengan adanya infrastruktur yang lebih baik. Langkah pertama ke arah meningkatkan bilangan pelancong ke Langkawi adalah dengan menambah rangkaian laluan udara dari destinasi utama antarabangsa melalui penerbangan sewa khas dan laluan baharu. Pada masa yang sama, perkhidmatan feri ke Langkawi akan ditambah baik. Inisiatif yang disasarkan kepada titik sentuh utama akan dapat memberi pelancong suatu pengalaman yang menakjubkan apabila tiba di Langkawi. Ini menerusi peningkatan mobiliti pengangkutan darat, daripada kenderaan pengantara hinggalah kepada aspek kawalan tambang kereta sewa. Ini juga akan membolehkan pelancong menikmati perjalanan yang selesa dan memberi lebih pilihan untuk melihat sekitar Pulau Langkawi.

Bagi menjaga imej bersih Pulau Langkawi, sistem pungutan sampah dan penyelenggaraan tandas awam akan ditambah baik. Pasukan renjer taman yang baharu akan dibentuk bagi aktiviti penguatkuasaan dan pemuliharaan. Penggunaan dan amalan teknologi hijau yang mampan juga akan diperluaskan diseluruh Pulau Langkawi.

Pendapatan pelancongan sasaran dan pendapatan bukan pelancongan yang lebih tinggi

Kejayaan Blueprint ini bergantung kepada kejayaan inisiatif lain selain daripada produk dan infrastruktur. Pertama,

pembangunan penjenamaan dan kempen pemasaran yang khusus bagi Langkawi bertunjangkan nilai teras dan dibezakan mengikut pasaran keutamaan. Seterusnya, Akademi Pelancongan yang dipacu oleh kerjasama antara sektor awam dan swasta akan melahirkan graduan yang memenuhi keperluan industri. Selain industri pelancongan, adalah penting bagi Langkawi mempunyai kepelbagaian sumber pendapatan. Oleh itu, skim penanaman kontrak dalam bidang pertanian dan perikanan disaran untuk diperkenalkan bagi menambah pendapatan penduduk tempatan yang tidak terlibat dalam industri pelancongan. Ini juga akan membantu mereka mempelbagaikan aktiviti dalam menyokong industri pelancongan Langkawi.

MEREALISASIKAN WAWASAN – TADBIR URUS DAN PEMANTAUAN YANG LEBIH KUKUH

Dilengkapi dengan khazanah alam bertaraf dunia yang meliputi pulau yang mempesonakan, pantai yang bersih dan biodiversiti yang kaya, Langkawi telah mengalami pertumbuhan pesat sejak era 1990-an apabila usaha bersepadu telah diambil untuk membangunkan pulau legenda ini sebagai destinasi utama pelancongan. Namun begitu, sepertimana kawasan yang sensitif ekologinya, pembangunan tersebut telah menjadikan khazanah alam Langkawi yang unik berhadapan dengan risiko kemerosotan. Tanpa intervensi tertentu, potensi industri pelancongan Langkawi berkemungkinan besar akan mengalami penurunan.

Langkawi telah menetapkan matlamat yang tinggi pada tahun 2015, yang dapat dicapai dengan adanya Blueprint ini. Untuk memastikan penyampaian yang pantas, peneraju bagi setiap inisiatif telah dikenal pasti dan bertanggungjawab ke atas petunjuk serta sasaran prestasi utama. Penyelarasan keseluruhan akan dilaksanakan oleh Pejabat Pengurusan Penyampaian (Delivery Management Office atau DMO) di bawah LADA yang akan memantau kemajuan, menyelesaikan masalah bersama peneraju inisiatif sekiranya berlaku kelewatan dan mengemukakan laporan bulanan kepada LADA.